

DATE: 11/7/2008



EFFENDY RASHID | BERITA HARIAN

PERALIHAN KUASA: Abdullah dan Najib berpelukan pada sidang media di PWTC, Kuala Lumpur, semalam.

Najib pengganti baik: Abdullah

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi semalam menjelaskan beliau memilih Datuk Seri Najib Razak sebagai penggantinya kerana yakin dan percaya timbalannya itu dapat memimpin parti dengan baik.

Perdana Menteri juga menyifatkan keputusan itu sebagai penghargaan kepada Najib yang akan diberi mandat menggantikan beliau bagi memimpin parti dan kerajaan pada pertengahan 2010.

"Saya hargai kesediaan Najib kerana terima cadangan ini dan saya percaya Najib akan menjadi pengganti yang baik.

BH-11/7/2008
"Saya hargai persahabatan baik dengan Najib dan persefahaman baik pada peringkat cukup tinggi mengenai isu yang sama-sama kami hadapi dalam parti dan kerajaan serta kerja yang dilaksanakan bersama," katanya pada sidang media selepas mempengerusikan Mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno di sini.

Perdana Menteri juga menolak dakwaan membabitkan Najib dengan kes pembunuhan Altantuya Shaaribu boleh memberi kesan kepada proses peralihan kuasa itu.

"Ini isu berbeza. Keputusan ini dibuat pada peringkat parti," katanya.